



PEJABAT DAERAH DAN TANAH POKOK SENA
06400 POKOK SENA, KEDAH DARUL AMAN
NO TELEFON : 04-702 8188

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
NO. SEBUTHARGA : PDPS/J/95/2008 (SH 03/2021)

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API)
DI KOMPLEKS PEJABAT DAERAH DAN TANAH POKOK SENA, KEDAH DARUL AMAN
BAGI TEMPOH KONTRAK MULAI 01 JANUARI 2022 HINGGA 31 DISEMBER 2023**

1. Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada **kontraktor BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **220801** dan **berdaftar Kontraktor dengan Kerajaan Negeri Kedah (iDAFTAR)** dan masih dibenarkan menyertai sebutharga pada masa ini.
2. Syarikat yang berminat dan berkelayakan seperti tertera sahaja **hendaklah membuat PERAKUAN menyertai sebutharga di sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>)** dan menjelaskan bayaran secara atas talian mengikut nombor sebutharga iaitu **PDPS/J/95/2008 (SH 03/2021)** dengan jumlah **RM10.00** sebelum dokumen *softcopy* sebut harga dikemukakan kepada syarikat. Urusan penjualan Dokumen Sebut Harga **dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam sehingga 12.30 pagi** bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.

TARIKH BUKA/MULA : 14.11.2021 (AHAD)
TARIKH TUTUP : 21.11.2021 (AHAD)

3. Syarikat dikehendaki menyemak **No. Siri Kawalan Dokumen** yang diberi melalui sistem iDAFTAR dan melengkapkan No. Siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan Dokumen Sebut Harga pada ruang kotak disediakan. Kegagalan ini, boleh menyebabkan dokumen ditolak.
4. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**.
5. Tuan-tuan dinasihatkan untuk memastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA(3) BULAN** dari tarikh tutup sebutharga. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki oleh tuan-tuan.
6. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan, **hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dicatatkan No. Sebutharga : PDPS/J/95/2008 (SH 03/2021) pada sebelah kiri sampul dengan jelas** dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Pejabat Daerah Pokok Sena tidak lewat dari jam 12.00 tengahari, hari AHAD bertarikh 21.11.2021.**
7. Sila patuhi SOP semasa yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan penularan COVID-19 semasa proses penghantaran dokumen sebutharga. Sila pakai pelitup muka (face mask). Amalan penghantaran dokumen sebutharga secara berkumpulan tidak dibenarkan.
8. **Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier** untuk penghantaran dokumen sebutharga. Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Sebut harga yang disediakan oleh Jabatan dengan ajen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.**

Disahkan Oleh,

.....

HAJI AHMAD BAWA BIN HAJI ABDUL GHANI, AMK., BCK., BKM.
PEGAWAI DAERAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH POKOK SENA
KEDAH DARUL AMAN
Bertarikh
03 NOV 2021

Tarikh Pamer Iklan : 07.11.2021